

19 OCT 2001

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA DI SHANGHAI BAGI APEC 2001

Oleh: Mohd Kamel Othman dan Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini tepat pukul 12 malam untuk menghadiri mesyuarat kesembilan ketua-ketua ekonomi APEC.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Pudong di Shanghai.

Pagi esok Perdana Menteri dijangka mengadakan pertemuan sulung bersama Presiden Mexico Vicente Fox diikuti pertemuan bersama Presiden Rusia Vladimir Putin, Presiden Amerika Syarikat George W. Bush dan Presiden China Jiang Zemin.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan tengah hari informal Pemimpin-pemimpin Asean yang dianjurkan oleh Sultan Brunei di Grand Hyatt Hotel.

Daripada perkumpulan 10 negara itu hanya Myanmar, Laos dan Kemboja yang bukan merupakan anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Perdana Menteri kemudian akan menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak CEO APEC 2001. Beliau merupakan antara lapan pemimpin APEC yang akan menyampaikan ucapan di sidang kemuncak tiga hari yang bermula pada Khamis.

Mereka yang lain ialah Jiang Zemin, Bush, Putin, Fox, Perdana Menteri New Zealand Helen Clark, Perdana Menteri Australia John Howard dan Ketua Eksekutif Hong Kong Tung Chee Hwa.

Diasaskan pada 1989, Apec mengumpulkan Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Peru, Russia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika dan Vietnam.

Pada Ahad, Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain akan menandatangani Skrol Apec sebelum menyertai istirehat pemimpin di Muzium Sains dan Teknologi.

Selepas Deklarasi Pemimpin, Dr Mahathir akan bertolak ke Dino Beach Waterpark di daerah Min Hang bagi pelancaran Pusat Jualan dan Perkhidmatan serta unit pameran Royal Garden.

Perdana Menteri dijadual mengadakan persidangan berita bagi wakil-wakil media antarabangsa pada 7.30 malam Ahad sebelum menghadiri majlis perasmian Restoren Kyros Kebab yang dimiliki oleh Gettmore Group Sdn Bhd.

Pada pagi Isnin, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dua hala bersama rakannya dari Jepun Junichiro Koizumi sebelum bertolak ke Qingdao di wilayah Shandong, yang terletak di utara Shanghai, bagi lawatan sehari. Qingdao mengambil masa penerbangan satu jam untuk sampai.

Di Qingdao, Perdana Menteri akan melawat Haier Group, Qingdao Port dan Little Fish Hill Park. Beliau juga akan bertemu dengan gabenor wilayah Shandong, Li Chunting.

Dr Mahathir akan bertolak ke Qingdao pada pagi Selasa ke Pulau Cheju, Korea Selatan.

-- BERNAMA

MKO RID PR